

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 100

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan untuk mendapatkan maklumat tentang penerokaan hutan yang berlaku secara sah dan tidak sah seperti yang berlaku di Gua Musang (Kelantan), Cameron Highlands, Lipis, Jerantut dan Bentong (Pahang) serta di negeri-negeri lain seperti di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor. Apakah kerajaan bercadang untuk melibatkan kerajaan negeri lain kerana telah melanggar syarat terutama gagal mengikuti arahan Jabatan Alam Sekitar?.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- i) Secara umumnya terdapat dua (2) kategori lesen pembalakan di negara ini iaitu:
 - 1) pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK);
dan
 - 2) pembalakan di luar HSK iaitu di dalam Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik.

- ii) Pembalakan dalam HSK hanya dilaksanakan dalam kawasan yang telah dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran dan tebangan dilakukan secara terkawal melalui amalan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System – SMS*).

- iii) Bagi Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik, pembalakan dikeluarkan untuk tujuan pembangunan tanah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga,

- iv) Jabatan Perhutanan Negeri telah melesenkan kawasan HSK seluas 36,572 hektar bagi tahun 2016, 35,264 hektar bagi tahun 2017 dan 34,833 hektar pada tahun 2018 untuk tujuan pembalakan.

- v) Bagi kawasan luar HSK iaitu di dalam Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik, Jabatan Perhutanan Negeri telah melesenkan kawasan seluas 10,627 hektar pada tahun 2017 dan 36,720 hektar kawasan bagi tahun 2018 untuk tujuan yang sama.

- vi) Kawasan hutan yang ditebang tanpa lesen atau kebenaran oleh Pihak berkuasa Negeri dikategorikan sebagai pembalakan haram. Kawasan yang telah dikesan terbabit dengan pembalakan haram pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing adalah seluas 269 hektar dan 110 hektar. Jumlah kawasan yang terbabit dengan pembalakan haram ini mewakili kurang 1% daripada jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih.